POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
MALAYSIA
Semambu
25350 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN HAJI AHMAD SHAH
Tel : 09-565 5300 Faks : 09-566 3104
Laman Web : www.polisas.edu.my
Facebook : politeknik.edu

MAKLUMAN PEPERIKSAAN UNTUK PELAJAR

1. KEPUTUSAN RASMI

Tarikh keputusan rasmi peperiksaan akhir **Sesi I : 2026/2027** adalah pada **24/11/2026** dan pelajar boleh membuat semakan keputusan pada tarikh berkenaan.

Keputusan peperiksaan boleh diketahui melalui cara-cara berikut;

i. Rujuk papan notis jabatan untuk mengetahui status keputusan peperiksaan mulai **24/11/2026**

ii. Rujuk laman Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik iaitu **http://spmp.polisas.edu.my**
(**Perkhidmatan on-line: i-exam**)

iii. Hubungi Unit Peperiksaan POLISAS:
Pej. Am: 09 - 5655300

2. RAYUAN

Tarikh akhir rayuan bagi **Sesi I : 2026/2027** pada **07 Disember 2026.** Rayuan selepas tamat tempoh yang dibenarkan tidak akan dipertimbangkan. Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada pelajar pada **14/12/2026**.

i. **Rayuan Untuk Menyemak Semula Skrip Jawapan** peperiksaan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak **RM25.00** bagi setiap kursus melalui **aplikasi iPayment** (https://ipayment.anm.gov.my/bill/f55539ed-ecd5-4ab8-bfdd-c032ad96313e) serta muat turun **LAMPIRAN 1**.

ii. **Rayuan Keputusan Peperiksaan** hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak **RM50.00** melalui **aplikasi iPayment** (https://ipayment.anm.gov.my/bill/c5934b76-ef29-4192-a91e-d5e6eefedd89) dan hendaklah disertakan dengan surat rasmi sepertimana **LAMPIRAN 2** kepada:

Unit Peperiksaan
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
melalui e-mail: exam@polisas.edu.my

Sila nyatakan no. telefon anda apabila berurusan untuk tindakan SEGERA

Permohonan rayuan hendaklah disertakan bersama **Folder Penilaian PB (folio PB)** bagi kursus berkenaan sekiranya berkaitan dengan kes rayuan anda. Rayuan hendaklah disertakan dengan alasan-alasan yang munasabah dan bahan/dokumen bukti yang berkaitan sebagai sokongan.

KEPUTUSAN RASMI SELEPAS RAYUAN ADALAH MUKTAMAD

3. PENILAIAN KHAS (MP)

Bagi pelajar semester akhir yang gagal **SATU** kursus sahaja, Penilaian Khas (Mengulang Penilaian) bagi kursus berkenaan akan dilaksanakan pada **14/12/2026 – 08/01/2027** dan keputusan rasmi pada **08/01/2027.**

Sesi Taklimat dan Pendaftaran Kursus Penilaian Khas (MP)

Tarikh : **14/ 12/ 2026** (Isnin)

Tempat : Atas talian. Link akan diberi bersama surat Penilaian Khas.

Masa : 10.00 Pagi

*** KEHADIRAN BAGI PELAJAR YANG TERLIBAT ADALAH DIWAJIBKAN**